

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Ogos  
2016  
 $2 \frac{1}{4}$  jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

---

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2016

---

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak. 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian A**

[30 markah]


[Masa dicadangkan : 45 minit]

Sejarah telah membuktikan bahawa kegagalan mewujudkan perpaduan antara kaum akan menimbulkan isu perkauman.

*Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Panjangnya huraihan hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

**USAHA-USAHA MEMUPUK PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID**

Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

Melalui mata pelajaran seperti Sejarah, dan  
Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Kegiatan kokurikulum

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Murid memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan konsep 'Sekolahku Syurgaku'.

Bincangkan peranan yang dapat anda mainkan untuk merealisasikan konsep tersebut.

- 2 Anak-anak yang cemerlang lahir daripada keluarga yang bahagia.

Ulas pernyataan di atas.

- 3 Usaha-usaha berterusan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan berkesan kepada negara.

Huraikan langkah-langkah yang patut dilakukan untuk membantu golongan ini.

- 4 Pelbagai usaha telah diambil oleh kebanyakan negara dan Persatuan Pencinta Alam seperti *Green Peace* untuk mengatasi masalah pencemaran alam di peringkat global.

Tulis sebuah rencana tentang kepentingan penjagaan alam sekitar kepada masyarakat sejagat.

- 5 Akhir-akhir ini banyak novel karya penulis tempatan diadaptasikan ke kaca-kaca televisyen untuk mengisi slot drama ataupun cerekrama.

Pada pendapat anda, apakah kesan adaptasi tersebut kepada masyarakat?

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2016  
 $2 \frac{1}{2}$  jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2016

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak. 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 1 : Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya dan peranan persatuan pengguna dalam menangani isu tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada hari ini, kebanyakan pengguna disogokkan dengan pelbagai promosi makanan kesihatan tambahan yang dimomokkan dengan kebolehan luar biasa untuk tujuan merawat pelbagai penyakit, mengurangkan berat badan dan 1001 *khasiat yang menakjubkan*. Lambakan makanan kesihatan tambahan di Malaysia ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

Terdapat pelbagai isu yang membimbangkan pengguna berhubung dengan makanan kesihatan tambahan apabila label tidak mempunyai arahan penggunaan yang lengkap dan didapati mengandungi bahan yang belum dinilai atau diuji bagi menyediakan jaminan yang munasabah. Fenomena ini lazim berlaku di seluruh dunia, tetapi lebih kerap berlaku di negara Asia, terutamanya di India dan di China yang merupakan pengeluar dan pengguna herba terbesar. Pencemaran bahan logam berat seperti pestisid, mikroorganisma dan mikotoksin banyak didapati dalam herba.

Seterusnya, pencemaran berlaku secara tidak sengaja melalui proses pembuatan yang menggunakan mesin logam yang tidak berkualiti, dan penambahan secara sengaja seperti merkuri sulfida, arsenik sulfida dan arsenik trioksida yang diamalkan dalam perubatan ayurveda dan perubatan dari China. Namun begitu, isu ini tidak akan berlaku sekiranya pihak pengeluar menggunakan mesin logam yang disahkan selamat dan mereka tidak menambah bahan-bahan kimia tertentu dalam produk perubatan yang dihasilkan.

Walau bagaimanapun, terdapat bukti saintifik yang mengaitkan penggunaan arsenik sulfida berkesan untuk merawat penyakit leukemia. Hal ini bermakna sesetengah bahan yang digunakan dalam makanan kesihatan tambahan berkesan untuk merawat penyakit tertentu namun ada pengguna yang mengambilnya tanpa mendapatkan khidmat nasihat dan pengawasan daripada doktor yang bertauliah. Pencemaran daripada mikroorganisma dapat berlaku pada peringkat penghasilan dan pemasaran. Keadaan pemprosesan dan penyimpanan yang sesuai bagi bahan mentah dan produk siap sangat penting untuk menentukan kualiti produk yang bebas daripada mikroorganisma.

Suhu dan kelembapan yang tinggi di kawasan tropika dan subtropika menyumbang kepada pertumbuhan kulat dan penghasilan mikotoksin kepada produk herba. Selain itu, pemalsuan produk makanan bagi tujuan meraih keuntungan juga sengaja dilakukan oleh pengusaha. Terdapat juga kes melibatkan produk langsing yang dikesan mempunyai komponen kimia yang tidak dilabel, iaitu sibutramine dan sildenafil. Sibutramine diharamkan penggunaannya di Kanada kerana sering dikaitkan dengan strok dan serangan jantung.

**[Lihat halaman sebelah**

Jelaslah di sini bahawa setiap produk dalam pasaran menjanjikan kehebatan yang tersendiri. Oleh itu, pengguna harus berfikir dan membuat keputusan secara bijak terhadap sebarang produk yang digunakan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Makanan Kesihatan Tambahan, Madu atau Racun'  
oleh Radhiah Shukri,  
*Dewan Masyarakat, Disember 2015*

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *khasiat* yang menakjubkan. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan terdapat beberapa tindakan untuk memastikan produk makanan tambahan dihasilkan dalam keadaan selamat.  
Apakah tindakan-tindakan tersebut? [3 markah]
- (iii) Masyarakat kita mudah percaya akan keberkesanan promosi makanan tambahan.  
Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku cepat-cepat beredar. Suara Doktor Murni melantun ke dinding pejal wad Unit Rawatan Rapi. Solehah yang tenat, yang pundi janinnya pecah di ovari, juga sedang koma. Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkanya patah riuk, diheret kereta sejahtera dua meter di tar keras, tidak pernah pun dijenguk Profesor Doktor Juaidi.

Juga si kecil, bayi buangan yang hampir kekeringan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukemia yang semakin cair sel darah merah di tubuhnya itu, tidak perlukah mereka itu diberi darah?

“Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia ini, tidak pernah adil, Solehah.” Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. “Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu, tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu...,” sebak menyendat di dadanya.

“Dapatkan 10 pek darah sekarang!” Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. “Dapatkan di hospital lain; segera.”

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

“Awak tahu siapa Tuan Besar Musa itu? Korporat, teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit kita. Kita tak mahu dia mati. Dia dermawan yang prihatin. Kita begitu terhutang budi kepadanya. Makan malam tahunan kita yang beratus-ratus ribu itu ditaja olehnya.”

Dipetik daripada cerpen ‘Gerhana Manusia’  
oleh Aminah Mokhtar  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Sasbadi Sdn. Bhd.

(i) Mengapakah Profesor Doktor Juaidi bersungguh-sungguh mahu menyelamatkan Tuan Besar Musa? [2 markah]

(ii) Tabung darah di sesebuah hospital sering mengalami masalah kekurangan darah.

Pada pendapat anda, apakah langkah yang patut dilakukan untuk menggalakkan orang ramai supaya menderma darah? [3 markah]

(iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-puluhan juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya *datang kesudahnya diceritakannya* pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembang laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *datang kesudahnya diceritakannya*. [2 markah]
  - (ii) Nyatakan reaksi Kertala Sari setelah dia mendengar cerita tentang kejadian yang menimpa ayahnya? [3 markah]
  - (iii) Perbuatan ibu Kertala Sari menceritakan kisah kematian suaminya kepada Kertala Sari adalah wajar.
- Berikan **dua** alasan anda. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 2 (d) – Gurindam**

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Dua Belas**  
*(Fasal yang Ketiga)*

Apabila terpelihara mata,  
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,  
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,  
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memeliharkan tangan,  
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,  
Keluarlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,  
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,  
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, berikan **dua** kebaikan jika seseorang itu sentiasa menjaga tangan dan kakinya. [2 markah]
- (ii) Ungkapan lidah lebih tajam daripada mata pedang memberi gambaran betapa pentingnya kita menjaga pertuturan dalam pergaulan.

Pada pandangan anda, apakah kesannya jika seseorang itu tidak menjaga tutur katanya? [3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]***Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) hakisan
- (ii) habitat
- (iii) pencemaran
- (iv) pemanasan
- (v) kelestarian
- (vi) ekosistem

**[6 markah]**

- (b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kamu perlu membaca surat perjanjian jual beli rumah itu dengan teliti sebelum menandatanganinya.
- (ii) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pengusaha industri kecil dan sederhana.
- (iii) Kami telah menyenaraikan peralatan yang perlu dibawa untuk menyertai perkhemahan perdana itu.

**[6 markah]****[Lihat halaman sebelah**

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Adik tidak mengemari kuetiau goreng yang mengandungi taugeh.
- (ii) Sesebuah kawasan pembandaran akan kelihatan menarik jika memiliki lanskap yang terancang.
- (iii) Hirarki makanan diwujudkan untuk menyedari masyarakat tentang kepentingan pengambilan makanan yang seimbang.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Gender novel yang mengisahkan tentang perjuangan pahlawan negara kurang mendapat sambutan daripada para pembaca di negara ini.
- (ii) Penyulingan darah perlu dijalankan bagi memastikan darah yang didermakan oleh para penderma bebas dari sebarang penyakit yang berbahaya.
- (iii) Lorong penyuraian di lebuh raya adalah kawasan larangan kepada para pengguna untuk memberhentikan kenderaan tanpa sebarang sebab yang dibenarkan.

[6 markah]

(e) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Sikap pengurus syarikat kosmetik itu yang sukar menerima idea baharu sering menjadi \_\_\_\_\_ terhadap perubahan yang ingin dilakukan oleh kakitangan bahagian pemasarannya. Oleh itu, mereka sedang \_\_\_\_\_ untuk memujuk pengurus syarikat agar sedia menerima perubahan demi meningkatkan margin keuntungan tahunan syarikat. Malangnya, pengurus syarikat tersebut tetap dengan pendiriannya. Namun begitu, mereka tidak berputus asa dan terus berusaha mencari pendekatan yang lebih berhemah ibarat \_\_\_\_\_.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abd Latip bin Talib
  - (ii) Tirani karya Beb Sabariah
- 
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **perwatakan watak utama** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
  - (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, terdapat beberapa persoalan yang dipaparkan oleh kedua-dua pengarang. Huraikan **persoalan** yang menunjukkan **persamaan** yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**